

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN
TAHUN 1996
31 JULAI 1996**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan hidayat-Nya saya sekali lagi dapat bersama saudara-saudara sempena pelancaran kempen kutipan derma rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini.

2. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, Hari Pahlawan yang jatuhnya pada 31hb Julai tiap-tiap tahun adalah merupakan suatu hari untuk kita mengenang jasa pahlawan-pahlawan kita yang telah berkorban demi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

3. Antara mereka ini ramai yang telah gugur dan hilang upaya sepanjang hayat di dalam melaksanakan tugas-tugas murni ini.

4. Sebagai rakyat Malaysia yang cintakan tanahair dan kedamaian, dengan tidak mengira agama dan keturunan, marilah kita sama-sama berdoa dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pahlawan kita yang telah banyak menabur bakti dan berkorban untuk negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Sekarang ini kita sedang bergerak menuju ke era kecemerlangan dalam segenap lapangan hidup. Kerajaan kita sedang giat melaksanakan program-program pembangunan bagi kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat.

6. Dalam melaksanakan program-program tersebut, setiap lapisan masyarakat kita haruslah memainkan peranan masing-masing dalam usaha membangunkan negara. Segala usaha yang kita lakukan ini akan menjadi teras kepada pencapaian Wawasan 2020.

7. Kita semua sedia maklum bahawa kestabilan negara di mana penduduknya yang terdiri dari rakyat yang berbilang kaum adalah amat penting bagi menjamin segala usaha kita menemui kejayaan dan menepati matlamatnya.

8. Peri pentingnya kestabilan dan keamanan negara tidak dapat dipertikaikan lagi oleh sesiapa kerana sudahpun terbukti di dalam lipatan sejarah negara kita. Tanpa perpaduan dan semangat kerjasama antara kaum sudah pasti akan berlaku perpecahan di kalangan rakyat dan ini sudah pasti menjejaskan segala usaha murni kita memajukan rakyat dan negara.

9. Oleh yang demikian, keharmonian hidup rakyat berbilang kaum di negara kita hendaklah sentiasa dipelihara, dipupuk, dan dipertingkatkan lagi untuk menjamin kecemerlangan masa depan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

10. Sesungguhnya kemajuan, kesejahteraan dan keamanan yang kita nikmati pada hari ini adalah disebabkan oleh adanya kestabilan dan keselamatan yang berterusan di negara kita. Tanpa keamanan dan keselamatan sukar bagi negara kita untuk membangun dan maju.

11. Keadaan keselamatan di negara kita yang berkualiti tinggi sekarang ini adalah hasil penelitian oleh pasukan keselamatan kita dan ini juga telah menarik minat ramai orang asing terutama pelabur untuk datang ke negara kita.

12. Peranan pasukan bersenjata kita di dalam mengawal keselamatan dan mempertahankan keamanan negara haruslah disanjung. Kebijaksanaan dan kecekapan pasukan keselamatan kita dalam melihara keamanan negara hingga ke tahap yang tinggi ini harus mendapat pujian daripada kita semua.

13. Bagaimanapun dalam suasana yang aman ini rakyat kita tidak haruslah leka dan cuai dalam tanggungjawab memelihara keamanan negara. Rakyat jelata mestilah sentiasa peka terhadap anasir-anasir yang boleh mengancam keselamatan negara dan terus memberi sokongan padu kepada pasukan keselamatan di dalam menjalankan tugas mereka.

14. Negara kita telah mengalami pelbagai episod yang mengancam keselamatan dan kestabilannya, namundemikian ianya telah berjaya diatasi dengan kerjasama rakyat dan kecekapan pasukan keselamatan kita.

15. Dengan adanya keamanan dan keselamatan, negara kita telah dapat bergerak maju terutama dalam melaksanakan usaha-usaha pembangunan dan mampu bersaing pula dengan negara-negara asing dalam mengembangkan aktiviti ekonomi secara global.

16. Kebolehan kita dalam menjaga keamanan negara dengan begitu baik telah pula mendapat pengiktirafan dunia sehingga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terus-menerus memberi keyakinan dan sentiasa memohon bantuan kita untuk memindahkan pengalaman kita dalam menjaga keselamatan kepada beberapa buah negara yang memerlukan perkhidmatan pasukan keselamatan kita.

17. Kita haruslah menyanjung tinggi pengorbanan mereka selama ini di dalam menangani masalah keselamatan negara di samping memberi khidmat mulia di bawah naungan panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang terbaru sekali sebagai 'Pasukan Pelaksana Damai' (IFOR) di Bosnia-Herzegovina.

18. Marilah kita sama-sama mendoakan agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan berada di dalam keadaan selamat sejahtera, penuh dedikasi, demi membantu mengembalikan keamanan kepada negara berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

19. Bersempena dengan sambutan Hari Pahlawan tahun ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengulangi seruan kepada rakyat di segenap lapisan masyarakat terutamanya para remaja untuk meninggikan lagi semangat dan patriotisme mereka terhadap negara.

20. Perasaan cintakan negara haruslah kekal dan tebal di dalam diri kita dan janganlah ianya terhakis dengan begitu mudah oleh apa jua keadaan termasuk pengaruh luar yang boleh menggugat pendirian kita.

21. Semangat yang sebegini akan melahirkan perasaan cintakan negara sepanjang masa dan akhirnya akan menjadikan salah satu faktor yang penting untuk menjamin kestabilan dan seterusnya membawa pembangunan negara kita.

22. Kita tidak seharusnya melupakan peranan dan pengorbanan oleh pahlawan-pahlawan kita yang telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara kita.

23. Kita perlu mempunyai keinsafan yang ikhlas di hati sanubari kita untuk memberi perhatian yang setimpal kepada mereka selaku wira negara.

24. Bagi mereka yang telah gugur, janganlah kita lupa kepada ahli-ahli keluarga mereka yang ditinggalkan. Begitu juga mereka yang telah hilang upaya kerana kecederaan semasa bertugas. Mereka semua memerlukan bantuan.

25. Dengan ini marilah kita sama-sama menghulurkan tangan memberi bantuan dengan rela hati dan penuh insaf sempena pelancaran kutipan derma rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini. Semoga bantuan ikhlas kita ini dapat meringankan beban dan penderitaan mereka yang memerlukan bantuan ini.

26. Akhir sekali, saya sekali lagi menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia supaya mempertingkatkan lagi semangat kepahlawanan, kesetiaan dan cintakan negara di samping bersama-sama dengan Kerajaan mengembleng tenaga di dalam bidang masing-masing untuk memastikan kegemilangan negara tercinta ini berterusan.

27. Insyallah, dengan sikap yang sedemikian segala cabaran dan ancaman tentu sekali akan dapat diatasi dengan cemerlang.

Wabillahaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.